

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: KOSMO (NEGARA)

TARIKH: 03 MAC 2018

MUKA SURAT: 19

2,000 unit rumah PPR dibina di Kedah tahun ini

ALOR SETAR – Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan membina 2,000 unit rumah di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) membabitkan kos RM450 juta di negeri ini tahun ini.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, rumah PPR itu akan dibina di tiga lokasi iaitu 1,000 unit di Langkawi, 500 unit di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bakar Bata di sini dan 500 unit lagi di Baling.

“Rumah PPR berkenaan yang mempunyai tiga bilik itu akan

dijual dengan harga RM35,000 seunit.

“Kediaman ini akan dijual kepada golongan berpendapatan rendah melalui konsep sewa beli tanpa perlu membuat pinjaman bank,” katanya kepada pemberita selepas melawat Rancangan Perumahan Awam (RPA) Flat Seri Gemilang di sini semalam.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah.

Sementara itu, Ahmad Bashah memberitahu, kerajaan negeri meletakkan sasaran ke-

semua 36 DUN di negeri ini akan mempunyai PPR dalam tempoh lima tahun akan datang bagi memastikan rakyat miskin dan berpendapatan rendah memiliki rumah.

“Setakat ini tujuh PPR sudah diwujudkan meliputi tujuh DUN dengan kos keseluruhan RM704 juta membabitkan pembinaan 3,228 unit rumah,” ujarnya.

NOH (tengah) bersama Ahmad Bashah (dua dari kiri) meninjau RPA Flat Seri Gemilang di Alor Setar semalam.

